



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Status Semasa Wabak Leptospirosis
Di Depo Tahanan Imigresen Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
(20 Mei 2009)

Leptospirosis adalah sejenis penyakit yang disebabkan oleh bakteria *Leptospira sp.* Bakteria *Leptospira sp* boleh terdapat dalam air kencing haiwan mamalia yang terjangkau seperti tikus, kucing, anjing, lembu, kambing, babi, kuda dan haiwan-haiwan lain.

Manusia boleh dijangkiti sekiranya terdedah secara langsung dengan air yang tercemar dengan air kencing haiwan yang terjangkau. Manusia juga boleh dijangkiti jika mengambil makanan atau minuman yang tercemar dengan air kencing haiwan yang dijangkiti. Antara gejala jika dijangkiti bakteria *Leptospira* adalah demam, sakit kepala, loya, muntah, sakit otot, kemerahan pada mata, ruam kulit, sakit pada abdomen, sakit betis, jaundis dan air kencing berwarna kehitaman.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status wabak Leptospirosis yang berlaku di Di Depo Tahanan Imigresen Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang adalah terkawal. Tiada kemasukan baru kes ke hospital. Sehingga jam 8.00 pagi 20 Mei 2009, jumlah kes yang dirawat di hospital kekal 9 orang di mana 8 kes dirawat di Hospital Bukit Mertajam (1 kes di wad ICU dan 7 kes di

wad Isolasi), berada dalam keadaan stabil manakala 1 kes di wad ICU Hospital Seberang Jaya berada dalam keadaan kritikal.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 20 Mei 2009